

*Pendidikan Keusahawanan Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Dalam Melahirkan*

*Usahawan Berjaya Di Malaysia*

*Noorizda Emelia Mohd Aziz, Norazman Harun, Maryam Mohd Esa,*

*Mohd Rafi Yaacob & Anis Amira Ab. Rahman*

## **PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT) DALAM MELAHIRKAN USAHAWAN BERJAYA DI MALAYSIA**

**<sup>1</sup>Noorizda Emelia Mohd Aziz, <sup>2</sup>Norazman Harun, <sup>3</sup>Maryam Mohd Esa, <sup>4</sup>Mohd Rafi  
Yaacob, <sup>5</sup>Anis Amira Ab. Rahman**

<sup>1,3</sup>Pensyarah di Fakulti Inovasi Perniagaan dan Perakaunan, Kolej Universiti Islam Melaka

<sup>2</sup>Pensyarah di Fakulti Inovasi Perniagaan dan Pengurusan, UiTM Kampus Melaka Caw. Alor  
Gajah

<sup>4,5</sup>Pensyarah di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan,  
Kelantan

### **ABSTRAK**

Keusahawanan merupakan satu bidang yang semakin mapan di Malaysia. Apatah lagi, wujudnya Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020 yang mana mahu Malaysia secara amnya melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan rakyat. Dan secara khususnya di kalangan pelajar dalam usaha merealisasikan usaha aspirasi negara untuk menjadikan Malaysia sebuah ‘Negara Keusahawanan’. Selari dengan hasrat negara yang mahu mentransformasikan pelajar menjadi seorang usahawan berjaya agar matlamat mewujudkan lebih ramai pencipta kerja tercapai maka artikel mengupas -secara konsep berkaitan pendidikan keusahawanan di IPT yang diharap dapat mewujudkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan lestari dalam membentuk usahawan berjaya di kalangan graduan atau alumni.

**Kata kunci:** *Pendidikan Keusahawanan, kelestarian, usahawan berjaya*

## **ENTREPRENEURSHIP EDUCATION AT HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS (HEI) IN DEVELOPING SUCCESSFUL ENTREPRENEUR IN MALAYSIA**

### **ABSTRACT**

Entrepreneurship is an increasingly established area in Malaysia. What's more, there is an IPT Entrepreneurship Action Plan 2016-2020 which wants Malaysia to create more entrepreneurs among the people. And in particular among students in the effort to realize the aspirations of the country to make Malaysia an 'Entrepreneurial State'. In line with the aspirations of the nation to transform the student into a successful entrepreneur so that the goal of creating more creators is achieved then the article examines concepts related to entrepreneurship education at IPT which is expected to create a conducive and sustainable entrepreneurial ecosystem in forming successful entrepreneurs among graduates or alumni.

**Keywords:** *Entrepreneurship education, sustainability, successful entrepreneur*

### **PENGENALAN**

Di Malaysia, bidang keusahawanan bukan lagi menjadi suatu bidang yang asing bagi masyarakatnya. Menyedari bahawa bidang keusahawanan sudah lama wujud sebagai satu pilihan kerjaya. Iaitu ianya berlaku sejak zaman Rasulullah SAW keusahawanan ini telah memainkan peranan yang penting dalam pembentukan tamadun Islam. Malahan, kerjaya sebagai usahawan merupakan pilihan utama umat Islam khususnya pada awal kedatangan Islam. Tidak terkecuali Rasulullah SAW sendiri memilih untuk bergelar sebagai usahawan pada ketika itu. Keadaan ini jelas menggambarkan kepada kita bahawa keusahawanan telah pun menjadi satu bidang kerjaya yang diceburi sejak dahulu lagi. Kesukaran graduan memperolehi pekerjaan bukanlah perkara yang asing lagi. Ijazah yang diperolehi tidak menjanjikan graduan akan mendapat kerja yang selari dengan program/jurusan pengajian mereka. Dengan keadaan ekonomi sekarang yang lebih menjurus kepada sistem kapitalisme dan gaya globalisasi, banyak masalah yang boleh menyebabkan penganguran yang tinggi dan kehilangan pekerjaan (Ramachandra 2003). Oleh yang demikian, Malaysia sedang mengubah masyarakatnya, merujuk kepada Norfadhilah & Halimah (2010) melalui kajiannya mendapati Malaysia sedang mengubah keadaan masyarakat daripada masyarakat yang bergantung kepada kerajaan kepada masyarakat yang bekerja sendiri. Kerajaan menyarankan agar masyarakat membuat kerja sendiri dengan tidak mengharapkan bantuan orang lain untuk menyara diri dan keluarga. Ini bermaksud kerajaan secara tidak langsung telah menggalakkan masyarakat untuk bermula dan menjadi usahawan. Dengan adanya usahawan dalam bidang perniagaan dapat menambahkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia, maka budaya makan gaji dapat dikurangkan dengan kewujudan usahawan dalam pasaran pekerjaan.

Justeru itu, IPT memainkan peranan dalam melaksanakan usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan dalam melahirkan lebih ramai lagi usahawan berjaya, khususnya di kalangan alumni mereka. Di peringkat IPT, keusahawanan dijadikan salah satu subjek yang perlu dipelajari oleh pelajar sama ada yang mengambil bidang perniagaan atau luar program tersebut. Ini bagi membudayakan keusahawanan dalam kehidupan seharian melalui kurikulum di IPT, justeru dapat melahirkan usahawan berjaya sebagai pencipta kerja yang mempunyai asas yang kukuh dalam aspek pengetahuan, kemahiran berfikir, komunikasi, kreativiti, pemikiran inovatif, bersemangat positif dan nilai moral serta etika yang baik dalam konteks keusahawanan.

## **KELESTARIAN**

Kalam Singh (2011) memperlihatkan kelestarian melalui enam (6) dimensi iaitu ekonomi, teknologi, sosial, persekitaran, nilai dan kelestarian pembelajaran. Kelestarian ekonomi menunjukkan bahawa model kewangan alat pembangunan adalah kukuh dan teguh, dan alat pembangunan disesuaikan dengan kecekapan teras rantau ini. Kelestarian teknologi menunjukkan bahawa teknologi akan menjadi daya penggerak di belakang alat pembangunan yang digunakan. Kelestarian sosial mencerminkan kepercayaan bahawa orang tidak semestinya pembeli, dan perusahaan perlu menjadi rakan kongsi dalam kehidupan masyarakat, perlu juga bekerjasama dengan masyarakat setempat, dan memudahkan pembangunan kapasiti dan taraf hidup. Kelestarian alam sekitar, merupakan konsep kelestarian yang agak terkenal merangkumi isu-isu mengurangkan pelepasan; mengurangkan pencemaran air dan tanah; melindungi biodiversiti; memelihara sumber semula jadi; kitar semula sisa; kesedaran tentang ekologi dalam masyarakat; dan akauntabiliti terhadap alam sekitar. Kelestarian nilai menunjukkan bahawa pembangunan harus disertai dengan penciptaan nilai berasaskan masyarakat, bagi membantu mengurangkan konflik sosial. Akhirnya, kelestarian pembelajaran yang berkaitan dengan pembelajaran dan kebolehsuaian merujuk kepada ketersediaan infrastruktur, peluang dan insentif untuk pembelajaran berterusan antara satu sama lain bagi memudahkan inovasi.

## **KEUSAHAWANAN**

Richard Cantillon yang digelar sebagai bapa keusahawanan merupakan orang yang paling awal mengutarakan teori (definasi) usahawan. Beliau dikenali sebagai pengasas kepada istilah *entrepreneur* (usahaawan). Dalam masa yang sama, pendapat umum mengatakan bahawa usahawan adalah orang. Manakala, keusahawanan adalah proses.

Seterusnya, Ali Kiyani, S. (2017) menyatakan bahawa keusahawanan adalah ejen ekonomi yang aktif dengan potensi untuk berkembang sebagai peristiwa penting ke arah pembangunan ekonomi. Individu yang didorong oleh keusahawanan mewujudkan banyak peluang pekerjaan setiap hari sebagai sumbangan kepada pembangunan sosioekonomi mampan bagi sebuah negara. Oleh itu, kesan daripada aktiviti keusahawanan paling utama adalah ia menemukan prospek yang bijak mencipta pekerjaan memberikan yang terbaik kepada pembuat dasar (GEM, 2017; Edelman, Monolova & Brush, 2008; Reynolds, et. al, 2001).

Merujuk Ahmad (2013) mendefinisikan keusahawanan sebagai satu proses di mana peluang untuk mewujudkan barang dan perkhidmatan masa depan yang baru ditemui, dinilai dan diterokai.

Tajudin, et.al (2014) pula berpendapat beberapa dekad yang lalu menyaksikan sejumlah literatur yang besar jumlahnya dalam bidang keusahawanan, ini semata-mata kerana sumbangannya yang tidak dapat dinafikan kepada pembangunan perusahaan berskala kecil, penciptaan pekerjaan dan inovasi dan kemajuan ekonomi negara-negara lain.

## **PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN**

Merujuk Hasan, S. M et al. (2017) pendidikan keusahawanan adalah penting bagi mencapai sosioekonomi yang berjaya dan pembangunan yang mampan (Klinger & Schundeln, 2011; Harry Matlay & Dehghanpour Farashah, 2013), kerana keusahawanan adalah gabungan tindakan, inisiatif, ketekunan, komitmen, organisasi, dan usaha kreatif dalam melaksanakan aktiviti yang produktif (Acs et al., 2008). Sementara itu, pendidikan keusahawanan melibatkan penyediaan graduan untuk berkembang maju dalam kerjaya mereka apabila mereka berusaha untuk memulakan perniagaan baru (Blenker et al., 2014).

Manakala menurut Tingey, L. et al. (2016) pendidikan keusahawanan adalah model yang menggalakkan pembangunan golongan muda untuk mendapatkan kemahiran dalam kehidupan dan kaitannya di sekolah serta mengurangkan tingkah laku yang berisiko tinggi

dalam masyarakat. Beliau juga menyetujui pendapat bahawa pendidikan keusahawanan ditunjukkan terhadap golongan muda bagi meningkatkan perasaan selamat, sayang, autonomi, kenal diri dan pencapaian serta meningkatkan keyakinan, pengetahuan dan kebolehan (Graig, et al., 2012; Lee et al., 2005; Kumpulan Strategi Keusahawanan Belia, 2008). Pendidikan keusahawanan juga memberi peluang kepada golongan muda untuk mengetahui bakat tersembunyi yang bakal mendedahkan keupayaan dan kemahiran yang mereka tidak tahu. Pendidikan keusahawanan mempunyai impak yang positif dalam kehidupan pelajar, sama ada mereka akan mendjadi seorang usahawan ataupun tidak (Cheung, 2008).

Justeru, dalam kajian ini kemahiran yang dipelajari di IPT melalui ekosistem pendidikan keusahawanan akan melenyapkan kegusaran pelbagai pihak khususnya pelajar dan ibu bapa dalam melahirkan lebih ramai pencipta kerja daripada pencari kerja. Seperti yang diketahui, bidang keusahawanan sememangnya bidang yang berisiko memerlukan keyakinan diri dan ketabahan hati dan melalui pendidikan keusahawanan dapat mengubah persepsi komuniti.

Fayolle, A. (2013) pula berpendapat masa depan pendidikan keusahawanan berkait dengan relevan atau kesesuaian, konsistensi diri, kegunaan, keberkesanan dan kecekapan kursus dan program keusahawanan di pelbagai peringkat pendidikan dan latihan. ‘Pelanggan’ kepada pendidikan keusahawanan adalah masyarakat di mana ia terpupuk. Ini bermakna pembelajaran keusahawanan dan hasil keusahawanan perlu memenuhi keperluan sosial dan ekonomi semua pihak yang terlibat seperti pelajar, keluarga, organisasi dan negara). Jadi, pendidik dan penyelidik keusahawanan perlu berusaha untuk mencipta masyarakat profesional yang berkongsi nilai dan objektif sama, secara asasnya untuk mengubah sifat, amalan dan kesan pendidikan keusahawanan dengan mensasarkan bidang tersebut.

Kajian Ali Kiyani, S. (2017), menunjukkan bahawa pendidikan keusahawanan secara signifikannya memberi kesan pada sikap pelajar terhadap aktiviti keusahawanan. Pendapat pelajar mengenai sifat intrinsik dan halangan ekstrinsik kepada keusahawanan secara signifikannya telah berkurangan setelah memperoleh pendidikan keusahawanan. Kajian ini menyediakan praktikal dan implikasi teoretikal dalam membudayakan pendidikan keusahawanan formal untuk meningkatkan sikap positif pelajar terhadap keusahawanan. Beliau juga mendapati usahawan boleh dilahirkan melalui pendidikan keusahawanan. Ia merupakan penyelidikan bertujuan untuk mengukur perubahan sikap pelajar sebelum dan selepas mempelajari bidang keusahawanan. Dalam masa yang sama, beliau memberi gambaran yang menyeluruh untuk IPT dan penggubal dasar mengkaji semula pembudayaan pendidikan keusahawanan di kalangan pelajar IPT.

Dalam masa yang sama, pembudayaan keusahawanan akan mudah dilaksanakan dengan wujudnya keseimbangan ekosistem keusahawanan dalam pendidikan keusahawanan di Malaysia. Ruskovaara, E., & Pihkala, T. (2015) menyokong pendapat perkembangan teori pendidikan keusahawanan yang menyatakan keusahawanan boleh diajar dan dipelajari. (Anderson & Jack, 2008; Fayolle, 2008; Fiet, 2001a,2001b; Haase & Lautenschl & Ager, 2011; Henry, Hill & Leitch, 2005a, 2005b; Solomon, 2007). Beliau juga merumuskan beberapa perkara berikut:

1. Amalan pendidikan keusahawanan tidak berbeza antara tenaga pengajar lelaki dan wanita.
2. Apa yang penting, semakin kuat latar belakang perniagaan dan pengalaman seorang tenaga pengajar akan lebih kuat mengikatnya untuk melaksanakan pendidikan keusahawanan dengan lebih berimpak.
3. Lebih banyak pengalaman berkaitan dunia perniagaan di kalangan tenaga pengajar menjadikannya lebih cenderung dalam melaksanakan pendidikan keusahawanan.
4. Pendidikan keusahawanan berbeza antara tahap pendidikan. Sejak di sekolah menengah lagi sudah diperaktikkan amalan pendidikan keusahawanan. Kemudian dilanjutkan lagi pendidikan keusahawanan hingga di peringkat IPT. Yang mana diharapkan latihan tenaga pengajar akan memberi kesan kepada pendidikan keusahawanan yang bakal memberi pemahaman yang konsisten, korelasi positif antara pendidikan keusahawanan dan aktiviti keusahawanan.

5. Latihan tenaga pengajar secara langsung dengan dunia perniagaan secara positif memberi kesan terhadap amalan pendidikan keusahawanan.

Menurut Varblane dan Mets (2005) senarai masalah dan halangan yang menghalang pengajaran keusahawanan yang telah dikenalpasti yang mana telah menghasilkan cadangan-cadangan berikut bagi proses penambahbaikan agar pendidikan keusahawanan terus berkembang maju. Antara cadangan-cadangan tersebut adalah;

1. Senarai sekolah yang menawarkan pendidikan keusahawanan perlu ditambah dengan banyak.
2. Bagi menggalakkan pendidikan keusahawanan yang lebih berkualiti, amatlah penting untuk memudahkan perkongsian amalan baik dalam pendidikan keusahawanan antara IPT setiap negara.
3. Kurikulum berorientasikan keusahawanan yang khusus haruslah diperkaya bertujuan membina sikap keusahawanan seperti kreatif dan berinovasi, keusahawanan dinamik, psikologi keusahawanan dan sebagainya.
4. Keusahawanan sebagai bidang pengkhususan kajian doktoral harus diterima lebih luas.
5. Perlu menawarkan subjek wajib yang memberikan asas-asas keusahawanan kepada program sains tulen dan sebagainya
6. Sebagai tambahan kepada pengurusan teknologi atau berorientasikan program pengurusan inovasi yang mana perlula untuk melancarkan kurikulum tertentu bagi menyediakan teknologi usahawan yang telah mempelajari aspek-aspek tertentu untuk memulakan dan menjalankan perniagaan dalam bidang teknologi yang khusus berkaitan apa yang mereka telah pelajari.
7. Merekabentuk kurikulum keusahawanan global bagi membentuk individu yang mahir dalam menjana pasukan antarabangsa.
8. Meningkatkan dan meluaskan kecekapan pendidikan keusahawanan yang mana memerlukan program untuk tenaga pengajar sebagai pelatih keusahawanan. Penemuan kesemua cadangan ini meringkaskan keadaan pendidikan keusahawanan di IPT.

Mitos keusahawanan juga menggambarkan bahawa dulu usahawan adalah dilahirkan. Tapi pada zaman sekarang ini usahawan boleh dibentuk dan dilahirkan. Rentetan itu, pendidikan keusahawanan memang perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Peter F. Drucker menyatakan bahawa apa yang kita dengar mengenai keusahawanan yang dikatakan oleh pemikiran pengurusan di Amerika adalah salah. Ia bukan magik, bukan misteri dan tidak ada kena mengena dengan baka. Keusahawanan adalah disiplin dan boleh dipelajari.

Menurut Johansen dan Schanke (2013), objektif pendidikan keusahawanan termasuk merangsang kreativiti, refleksi dan pemikiran analitikal, meningkatkan kecekapan untuk penubuhan dan pengurusan perniagaan dan menyumbang kepada kefahaman keusahawanan serta peranannya.

Johansen (2014) menerusi kajiannya menggambarkan matlamat pendidikan keusahawanan adalah untuk membangunkan kualiti dan sikap peribadi seperti kesediaan untuk mengambil inisiatif, kreatif dan berinovasi, kesanggupan mengambil risiko, keyakinan diri, kemampuan berkolaborasi dan kemahiran sosial. Seterusnya, matlamat pendidikan keusahawanan adalah untuk memberi peluang kepada pelajar mempelajari subjek dan kemahiran asas menerusi penggunaan kaedah keusahawanan. Akhirnya, untuk memberi ruang agar pelajar boleh mempelajari ilmu dan kemahiran mengenai pembangunan keusahawanan dan proses inovasi.

Justeru itu, IPT mampu melahirkan usahawan berjaya di kalangan alumni mereka. Kamus dewan edisi keempat (2005) mentakrifkan alumni sebagai siswazah atau lepasan sesebuah maktab atau universiti. Menurut Farhana (2013) pula menerusi Kamus Dewan Edisi Keempat, mentakrifkan usahawan sebagai orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan (Pengusaha). Pengusaha pula bermaksud pekerjaan secara besar-besaran untuk membuat

barang-barang industri atau pekerjaan bermula secara besar-besaran. Usahawan merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam aktiviti keusahawanan sebagai contoh individu yang memulakan perniagaan sendiri.

## **USAHAWAN BERJAYA**

Menurut Ali Kiyani, S. (2017) terdapat beberapa faktor kejayaan keusahawanan. Faktor kejayaan kritikal merupakan unsur utama yang mempengaruhi operasi perusahaan dan mempengaruhinya untuk prestasi pada masa hadapan. Antara faktor tersebut adalah seperti jaringan, campuran pemasaran, pengurusan strategik, kewangan, penyelidikan dan pembangunan, persekitaran, dan pendidikan keusahawanan.

Adib, M. et al. (2014) menyatakan bahawa usahawan berjaya merupakan usahawan yang melakukan aktiviti keusahawanan dalam sesuatu perniagaan. Seterusnya, usahawan tersebut berjaya mendapatkan keuntungan hasil daripada aktiviti tersebut. Keusahawanan merupakan salah satu sumber pencarian rezeki melalui cabang ibadah dan muamalat yang dapat merapatkan diri kepada Yang Maha Pencipta (Hafiza Othman). Bersepadan dengan ayat dalam al-quran iaitu: “ Dan Allah Swt menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.” (Surah Al-Baqarah, 2:275). Melalui hadis Rasulullah saw juga mengesahkan berkaitan perniagaan dan usahawan yang merupakan salah satu sumber rezeki yang menjanjikan pulangan lumayan. Antara hadis Rasulullah saw: “Dorongan ke atas kamu ialah perniagaan kerana di dalamnya 9/10 daripada sumber rezeki (Riwayat at Tirmizi).

## PERBANDINGAN SOROTAN KAJIAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN


Bil	Sumber dan tahun	Tajuk	Objektif	Kaedah	Dapatan	Elemen atau ciri-ciri/Lain-lain
1.	Hasan, S. M., Khan, E. A., & Nabi, M. N. U. (2017).	Entrepreneurial education at university level and entrepreneurship development. <i>Education + Training</i> ,	Menyumbang kepada literatur mengenai keberkesanannya pendidikan keusahawanan dengan menilai secara empiris peranan pendidikan keusahawanan universiti dalam pembangunan keusahawanan dan melaporkan hasilnya.	Kaedah kuantitatif digunakan untuk kajian ini. Kajian ini telah dirancang dan berstruktur. Berdasarkan kesusasteraan sebelumnya, hipotesis telah dibangunkan. Sampel terdiri atas sampel persampelan rawak sederhana dan terdiri daripada 200 pelajar. Kaedah pengumpulan data adalah temu bual secara bersemuka dengan soal selidik sendiri. Data tersebut ditafsirkan secara statistik menggunakan analisis faktor dan regresi.	Meneroka dan meneliti faktor dan pembolehubah pelbagai jenis pendidikan keusahawanan di peringkat universiti. Secara khususnya, pada mulanya, makalah ini membahas faktor-faktor pendidikan keusahawanan mungkin dari segi pendidikan keusahawanan yang menyeluruh, motivasi, dan diperluas melalui kajian literatur yang komprehensif. Kedua, kertas ini memberi tumpuan kepada hubungan antara pendidikan keusahawanan di peringkat universiti dan pembangunan keusahawanan. Hasil kajian ini menunjukkan hubungan positif yang kuat antara pelbagai jenis pendidikan keusahawanan mengenai pembangunan keusahawanan.	Kajian ini menyediakan langkah pertama ke arah pendidikan keusahawanan yang menyeluruh, motivasi, dan diperluas di peringkat universiti di Bangladesh.
2.	Tingey, L., Larzelere-Hinton, F., Goklish, N., Ingalls, A.,	Entrepreneurship education: A strength-based approach to	Pendidikan keusahawanan adalah model yang menggalakkan	Peserta adalah remaja India Amerika berusia 13-16 tahun dan didaftarkan di sekolah menengah tempatan. Peserta menggunakan kerangka	Pendidikan keusahawanan mempunyai impak yang positif dalam kehidupan pelajar, sama ada mereka akan menjadi seorang usahawan ataupun tidak.	Menyetujui pendapat bahawa pendidikan keusahawanan ditunjukkan terhadap golongan muda bagi meningkatkan

	Craft, T., Sprengeler, F., Barlow, A. (2016)	substance use and suicide prevention for American Indian adolescents.	pembangunan golongan muda untuk mendapatkan kemahiran dalam kehidupan dan kaitannya di sekolah serta mengurangkan tingkah laku yang berisiko tinggi dalam masyarakat	pensampelan.	Pendidikan keusahawanan juga memberi peluang kepada golongan muda untuk mengetahui bakat tersembunyi yang bakal mendedahkan keupayaan dan kemahiran yang mereka tidak tahu.	perasaan selamat, sayang, autonomi, kenal diri dan pencapaian serta meningkatkan keyakinan, pengetahuan dan kebolehan
3.	Ali Kiyani, S. (2017).	Role of Entrepreneurs hip Education on Student Attitudes.	Kajian ini bertujuan untuk menganalisis impak pendidikan keusahawanan terhadap sikap pelajar.	Pendekatan deduktif digunakan untuk tiba di konklusif bukti pendidikan keusahawanan berperanan dalam menjana sikap positif pelajar terhadap keusahawanan. Sasaran populasi kajian ialah pelajar Universiti Kebangsaan FAST Islamabad, Pakistan yang mendaftar dalam Program Keusahawanan. Saiz sampel kajian adalah 100 orang pelajar yang berminat dengan keusahawanan diukur berdasarkan lima skala likert skala yang dianalisis menggunakan statistik ujian t-ujian yang dipasangkan.	Hasil kajian menunjukkan bahawa Pendidikan keusahawanan memberi kesan ketara terhadap sikap pelajar terhadap aktiviti keusahawanan.	Kajian ini menyediakan praktikal danimplikasi teoritis menanam pendidikan keusahawanan rasmi kepada meningkatkan sikap positif terhadap keusahawanan.

## KERANGKA KAJIAN UNTUK DIANALISIS

Kerangka Pencipta Kerja seperti yang digambarkan dalam Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020 amat perlu diberi perhatian bagi memberikan ekosistem yang kondusif kepada pelajar agar mampu melahirkan usahawan berjaya apabila bergraduat kelak.

# Kerangka Pencipta Kerja




Sumber: Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020, KPT

Rajah 1: Kerangka Pencipta Kerja

Kerangka Pencipta Kerja yang digambarkan oleh KPT juga jika dipraktikkan dan dibuat penambahbaikan berkala pastinya mampu melahirkan ramai alumni IPT yang mampu menjadi usahawan berjaya.

Kerangka tersebut akan digunakan dalam kajian ini dalam membentuk protokol soalan temuramah tidak berstuktur kepada responden. Dapatan kajian ini, diharapkan dapat menemui set amalan pendidikan yang amat relevan dalam pendidikan keusahawanan yang mampu melahirkan lebih ramai usahawan berjaya pada masa akan datang.

## TEORI



Rajah 2: Teoretkal Model Pengajaran Generik dalam Pendidikan Keusahawanan

Model yang terkenal dalam pendidikan keusahawanan seperti di Rajah 2.3 menggambarkan Model Pengajaran Generik dalam Pendidikan Keusahawanan yang dibawa oleh Fayolle & Gailly (2008) di dalam jurnal Fayolle (2013).

Terdapat dua tahap yang digambarkan iaitu tahap fisiologikal dan tahap didaktikal. Tahap fisiologikal lebih bersifat teori yang memberikan maksud atau definisi berkaitan pendidikan keusahawanan.

Manakala tahap didaktikal lebih tertumpu kepada kaedah pengajaran yang mengikuti pendekatan ilmiah yang konsisten / gaya pembelajaran yang memberikan maklumat kepada pelajar. Kedua-dua tahap ini begitu membantu dalam menjawab dua persoalan iaitu apa yang kita tahu dan apa yang kita patut tahu berkaitan pendidikan keusahawanan.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, artikel ini menghuraikan sorotan kajian bidang keusahawanan secara menyeluruh yang menjadi asas kepada apa yang kita tahu tentang pendidikan keusahawanan. Justeru, melalui pendidikan keusahawanan pula kita dapat mempelajari apa yang kita patut tahu agar semua pihak iaitu pelajar, keluarga, organisasi dan negara dapat sama-sama bersiap siaga dalam melahirkan usahawan berjaya di kalangan alumni IPT. Setiap alumni yang telah berjaya sebagai usahawan bakal ditemuramah bagi mendapatkan maklumat berkaitan pengaruh pendidikan keusahawanan di IPT yang mungkin memberi impak terhadap kerjaya mereka sebagai pencipta kerja. Semoga ekosistem pendidikan keusahawanan yang kondusif dapat disediakan melalui penambahbaikan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran di IPT dalam bidang keusahawanan yang mana mampu melahirkan ramai lagi usahawan berjaya di kalangan alumni IPT pada masa akan datang.

## RUJUKAN

- Adib, M., Muin, A., Bakar, A. A., & Abdullah, S. (2014). Model Usahawan Berjaya dalam Amalan Nilai-nilai Murni Keusahawanan Sosial Islam. *Journal of Human Development and Communication Volume*, 3(September 2016), 129–141.
- Ali Kiyani, S. (2017). Role of Entrepreneurship Education on Student Attitudes. *Journal, A. & Sciences*, National University of Computer and Emerging Sciences, (10), 270–294.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi keempat.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farhana Mohd Rosli. (2013). Pembudayaan Keusahawanan Ke Arah Mempengaruhi Kecenderungan Menceburti Bidang Keusahawanan Dalam Kalangan Bakal Graduan Di Uthm. *Zhurnal Eksperimental'noi i Teoreticheskoi Fiziki*, 33. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>.
- Fayolle, A. (2013). Personal views on the future of entrepreneurship education. *Entrepreneurship & Regional Development: An International Journal*, 692-701.
- Hasan, S. M., Khan, E. A., & Nabi, M. N. U. (2017). Entrepreneurial education at university level and entrepreneurship development. *Education + Training*, 59(7/8), 888–906. <https://doi.org/10.1108/ET-01-2016-0020>.
- Jain, R. and Ali, S. W. (2013). A review of facilitators, barriers and gateways to entrepreneurship: directions for future research. *South Asian Journal of Management*, 20 (3).
- Johansen, V. (2012). Entrepreneurship Education and Academic Performance. *Scandinavian Journal of Educational Research*, 58(3), 300–314. <https://doi.org/10.1080/00313831.2012.726642>
- Johansen, V., & Schanke, T. (2013). Entrepreneurship Education in Secondary Education and Training, 57(4), 357–368.
- KPT. (2016). Pelan Tindakan Keusahawanan 2016-2020. Kementerian Pengajian Tinggi. Malaysia.
- Lee Chor Huan. (2016). Critical Success Factors For Entrepreneur. *A Dissertation Submitted To The Department Of IPSR*. UTAR.
- Neck, H. M., & Greene, P. G. (2011). Entrepreneurship Education: Known Worlds and New Frontiers. *Journal of Small Business Management*, 49 (1), pp. 55-70.
- Nor Aishah Buang. (2006). Kajian Keperluan Pendidikan Keusahawanan Secara Formal Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina dan Fakulti Pendidikan, UKM. *Sektor Penyelidikan Pendidikan Keusahawanan Di IPTA*, 2020, 1–30.
- Ruskovaara, E., & Pihkala, T. (2015). Entrepreneurship Education in Schools : Empirical Evidence on the Teacher's Role, 236–249. <https://doi.org/10.1080/00220671.2013.878301>.

Shuhairimi Abdullah. (2013). The characteristics of Successful Entrepreneurs from Islamic Perspective. *Journal of Islamic Human Advanced Research*, 3 (6), 322-345.

Tajudin, A., Aziz, R. A., Mahmood, R. & Abdullah, M. H. (2014). The relationship between Entrepreneurial Orientation and Business Performance of SMEs in Malaysia. *International Journal of Management Excellence*, 2(3), pp. 221-226.

Tingey, L., Larzelere-Hinton, F., Goklish, N., Ingalls, A., Craft, T., Sprengeler, F., ... Barlow, A. (2016). Entrepreneurship education: A strength-based approach to substance use and suicide prevention for American Indian adolescents. *American Indian and Alaska Native Mental Health Research*, 23(3), 248–270. <https://doi.org/10.5820/aian.2303.2016.248>

Vadavadagi, P. K. & Joshi, S. P. (2013). Attitude of management students towards entrepreneurship: A Study of Selected District of North Kamataka. *Pacific Business Review International*. 5(8).

Varblane, U. and Mets, T. (2005). Entrepreneurship education in the higher education institutions ( HEIs ) of post-communist European countries, 204–220. <https://doi.org/10.1108/17506201011068219>.